

BAJET SULUNG NAJIB LULUS DENGAN MAJORITI 3 UNDI!

Petikan daripada Harakahdaily



Ba j e t 2010, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebelum ini hanya diluluskan dengan majoriti tiga undi sahaja iaitu 66 menyokong dan 63 menentang dalam pengundian lewat malam tadi.

la berlaku apabila bajet 2010 itu dibuat bacaan untuk kali ketiga dan diluluskan lewat malam tadi. Ia menjadi ujian besar kepada kredibiliti Najib kerana ini adalah bajet pertama yang beliau benta n g k a n .

Peristiwa ini juga adalah yang pertama kali berlaku apabila satu bajet diluluskan dengan perbezaan undi yang sangat tipis. Jika ditolak, ia membawa implikasi besar terhadap kerajaan p i m p i n a n U m n o i t u .

Semasa undian dibuat peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Dalam Negeri, iaitu kementerian yang terakhir yang dibahaskan, ia hanya diluluskan dengan majoriti satu undi sahaja.

Ekoran itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib dan beberapa menteri kabinet bergegas ke Parlimen malam tadi bagi mengundi untuk bajet keseluruhan.

Kini, BN mempunyai 137 wakil di Dewan Rakyat manakala PR 82 manakala tiga yang lain adalah Bebas.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam usulnya mencadangkan agar bajet itu dikaji balik kerana ia sudah tidak realistik lagi setelah pendapatan Petronas merudum sebanyak RM58 bilion iaitu 37.5 peratus berbanding tahun lalu.

Sedangkan, katanya, bajet 2010 terlalu bergantung kepada pendapatan Petronas iaitu sebanyak 40 peratus. Oleh itu bajet 2010 yang dibentangkan Perdana Menteri itu perlu ditarik balik kerana ia sudah tidak relevan lagi.

Kroni UMNO Gopeng, Kaut Tanah Rakyat Miskin

Datuk Seri Zambry Abdul Kadir digesa mengekang pertumbuhan kroni Umno dalam peruntukan tanah kerajaan bagi keluarga-keluarga miskin di bawah program perancangan luar bandar.

Naib Pengerusi KEADILAN negeri Perak, Chang Lih Kang mahu Zambry memastikan di semua daerah tiada ahli Umno yang kaya mendapat sebarang peruntukan tanah kerajaan untuk keluarga miskin ini.

Projek Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Sungai Itek, Mukim Teja daerah Kampar didapati skandal tanah oleh kroni UMNO Gopeng untuk mengaut tanah beberapa lot daripada projek itu mengikut kuota.

Chang mendedahkan skandal ini di pejabat, sebanyak 127 nama yang diperakui sebagai peserta RPT ini wujudnya 10 nama ahli jawatankuasa Umno Bahagian Gopeng yang dikepalai oleh Dato Hamzah sebagai seorang yang bergelaran dan ahli majlis di Majlis Bandaraya Ipoh kini.

“Terang-terangan wujud kronisma. Lapan daripada ahli jawatanakuasa Umno ini pernah menerima angkat dan

PKR bongkar skandal tanah RPT Sinar 4-12-09

GOPENG - Projek Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Sungai Itek, Mukim Teja daerah Kampar didapati skandal tanah oleh kroni UMNO Gopeng untuk mengaut tanah beberapa lot daripada projek itu mengikut kuota.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teja, Chang Lih Kang berkata, berdasarkan senarai 127 nama yang diperakui sebagai peserta RPT Sungai Itek dilakukan dalam pemilihan peserta. Menurutnya, pemilihan peserta RPT adalah peribadi, yang tidak memberi fokus kepada kemiskinan, yang tidak



Chang Lih Kang pada sidang media yang diadakan di pejabatnya di Gopeng bagi membongkar skandal tanah yang berlaku di RPT Sungai Itek.

Menurutnya, berdasarkan senarai yang dinyatakan, terdapat peserta RPT adalah pemegang masyarakat, ketua kampung, pemimpin daerah, bekas, peserta terdiri daripada ahli berkecuali, semua terdapat dan tanah-suasana terdapat pemangkin itu.

Beliau akan membuat tindakan susulan jika perkara itu masih belum mendapat perhatian pihak tertentu. Beliau mengemukakan kepada SPKM dan pihak polis namun, akan memberi tempoh masa bagi membolehkan keluarga.

“Saya tidak menyalahkan pihak kerajaan dalam hal ini tetapi ini tanah tidak boleh dikendalikan mana-mana.”

KUOTA KETUA BAHAGIAN UMNO GOPENG.

- 88. **HAMZAH BIN MOHD KASSIM**
KP: 560204-08-5567
No.1, Persiaran Pinji Perdana 16A
Taman Pinji Perdana, 31600 Lahat, IPOH
- 89. **MOHD NAWAWI BIN CHE EIK**
KP: 490514-08-5449
No.66, Persiaran 8, Taman Desa Aman
31500 Lahat, IPOH

anugerah di peringkat negeri malah kebanyakan daripada mereka adalah golongan berada”

Projek ini yang sepatutnya bertujuan untuk membantu orang miskin secara adil dan saksama. Beliau berkata: ‘ini adalah skandal tanah yang amat serius dan berharap akan dikaji semula semua projek RPT di negeri Perak.

Nizar MB Perak yang sah



Setelah berakhir ialah pendengaran hujah oleh kedua-dua belah pihak. Mahkamah ditangguhkan

dan keputusan dikatakan akan diumumkan pada suatu tarikh yang akan ditentukan. Sehingga hari ini setelah melewati sebulan kes tersebut masih tergantung di Mahkamah apabila keputusan penghakiman masih belum diumumkan.

Rayuan Datuk Seri Nizar Jamaluddin dalam menentukan kedudukan Menteri Besar Perak yang sah telah didengarkan di hadapan lima panel hakim. Panel hakim tersebut diketuai oleh Presiden Mahkamah Rayuan, Datuk Alauddin Mohd Sheriff. Empat lagi hakim ialah Hakim Besar Malaya, Da-

tuk Arifin Zakaria, Datuk Zulkefli Ahmad Makinuddin, Datuk Mohd Ghazali Mohd Yusoff dan Datuk Abdull Hamid Embong.

Sekali lagi Badan Kehakiman melakukan sesuatu yang menyebabkan terhakisnya kepercayaan kepadanya. Setelah sekian banyak penghakim sebelum ini yang melalui jalan sukar bagi Pakatan Rakyat, sekali lagi Mahkamah nampaknya "kurang profesional" sehingga mengambil waktu yang sangat panjang bagi mengumumkan satu keputusan yang penting bagi banyak pihak khususnya kepada Pakatan Rakyat dan ianya penting Bagi UMNO dan BN bagi mebutikan dialah kerajaan yang sah di Perak oleh mahkamah.

Mana mungkin setelah habis berhujah dan telah melewati sebulan tidak ada keputusan yang boleh diumumkan. Keadaan ini menyebabkan banyak pihak

tertanya-tanya apa sudah jadi dengan 5 hakim tersebut ?

Sesungguhnya yang menjadi mangsa adalah rakyat Perak. Sejak BN merampas kuasa pada 6 Februari yang lepas keadaan politik yang tidak menentu di Perak membawa kepada keadaan resah dan perasaan tidak puas hati rakyat terutamanya penyokong kami dari Pakatan Rakyat. Tuduh menuduh antara kedua pihak mengeruskan lagi suasana. Apabila hak Pakatan Rakyat yang diberikan mandat oleh rakyat pada 8 Mac 2008 dirampas dengan cara yang sangat tidak demokratik.

Kerana itu apa saja keputusan dan langkah yang dilakukan bagi memulihkannya tidak sebaik langkah yang sentiasa PR sarankan iaitu bubarkan DUN Perak bagi memberi laluan kepada rakyat Perak untuk memilih sekali lagi.

"UMNO kini busuk hingga ke ususnya" - Mahathir

Tun Mahathir yang merupakan bekas Perdana Menteri dan bekas Presiden UMNO kini mengatakan bahawa UMNO busuk hingga ke ususnya. "Yang tinggal katanya ialah orang yang berkepentingan yang berharap mendapat sesuatu kerana menyokong Umno. Mereka ini bukan nasionalis dan mereka tidak boleh diberi kepercayaan. Berikut antara beberapa petikan tulisan daripada 13 hujah Tun Mahathir dalam blognya Chedet:

Hujah 3: UMNO busuk daripada peringkat terendah hingga ke peringkat tertinggi katanya. Ketua cawangan hanya berjuang untuk mengekal dirinya sebagai ketua sahaja. Kenapa? Sebabnya majoriti ketua cawangan dapat jadi pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dengan elaun tertentu dan kuasa untuk mengagih peruntukan. Berpeluang juga untuk jadi kontraktor Kelas

F untuk projek kecil di luar bandar.

Hujah 4: Untuk menentukan dirinya tidak dicabar ketua cawangan tidak akan benarkan sesiapa yang lebih terpelajar daripadanya masuk UMNO cawangannya. Kebanyakan peruntukan untuk jadi ahli UMNO, yang mana dia mesti melalui cawangan, tidak akan dilayan. Tujuannya ialah supaya cawangannya tidak mempunyai banyak ahli kerana mereka tetap akan menimbulkan masalah dan sukar dikawal, bahkan sukar disogok pun.

Hujah 6: Oleh kerana ketua cawangan biasanya tidak memiliki pelajaran yang tinggi dan beliau menentukan ahli lain dalam cawangannya mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih rendah daripadanya, maka apabila ketua terpaksa berhenti kerana sebab-sebab tertentu, maka penggantinya akan terdiri daripada yang kurang berkebolehan daripadanya. Dengan

itu kualiti kepimpinan akan merosot sepanjangan masa.

Hujah 9: Penempatan perasuah dalam Kerajaan dan badan-badan lain juga memburukkan lagi imej UMNO. Sudah tentu perasuah akan dipilih sebagai calon UMNO dalam Pilihanraya Umum ke-13. Jika mereka diberi kemenangan maka negara akan dapat Kerajaan perasuah. Sebab itu beliau tidak akan sokong UMNO sebaliknya akan menyertai dan menyokong parti lawan. Katanya lagi hingga kini separuh daripada orang Melayu tidak merasai nikmat kerana Kerajaan-Kerajaan pimpinan UMNO menidakkan hak mereka sedangkan mereka juga orang Melayu walaupun mereka menyokong parti lawan. Mereka yang menyokong parti lawan bertambah sejak (Tun) Abdullah kerana ramai daripada ahli UMNO sendiri sudah tidak percaya kepada UMNO.

BIROTATANEGARA, Jabatan Perdana Menteri:

Wang Rakyat Diguna Kritik Pembangkang



Bekas Pengarah Biro Tata Negara (BTN), Datuk Johari Abdul berkata program BTN kini tidak relevan jika ia terus digunakan untuk memberi doktrin kepada peserta membenci individu tertentu khususnya pimpinan pembangkang.

“Tetapi jangan gunakan wang cukai rakyat untuk tujuan itu (doktrin kritik pembangkang).”

“Yang salah ialah apabila BTN diperuntukkan RM64 juta bagi tahun 2010 (wang rakyat).”

Ketua UMNO Bahagian Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah juga mengakui bahawa beliau pernah menjadi mangsa kecaman dalam kursus BTN selepas keluar UMNO akhir 1980-an.

Johari yang kini merupakan Ahli Parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sungai Petani berkata, beliau menyedari tentang penggunaan BTN untuk tujuan politik semasa kepimpinan Dr Mahathir.

“BN menggunakan BTN dengan sepenuhnya untuk melakukan serangan peribadi. Ia menjadi ketara selepas 1998 (apabila Anwar dipecat) digunakan un-

tuk memfitnah Lim Kit Siang, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Anwar Ibrahim seolah-olah mereka tidak patut berada di Malaysia,” katanya.

Johari yang mengetuai BTN selama empat tahun sebelum meninggalkannya pada 1990 berkata, beliau akhirnya “bertaubat” dengan apa yang berlaku. Ketika ia ditubuhkan pada 1970-an BTN hanya merupakan satu unit di Kementerian Belia dan Sukan, yang dibentuk untuk mengawal gerakan Islam yang menentang kerajaan di pusat-pusat pengajian tinggi khususnya Universiti Malaya.

Bagaimanapun apabila Mahathir menjadi Perdana Menteri, BTN digunakan sepenuhnya untuk tujuan politik Umno-BN. Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri dari 1981 hingga 2003.

“Salah satu kursus yang diberikan kepada peserta Melayu ialah mempertahankan kerajaan Umno-BN dalam apa jua cara sekali. Jika kerajaan Umno-BN jatuh, orang Melayu disemai fikiran bahawa mereka akan menjadi hamba di negara sendiri,” katanya.



Konvensyen PAKATAN RAKYAT



Berpadu • Berubah • Berkat

Memimpin Perubahan
Menjana Kemenangan

KONVENSYEN
PAKATAN
RAKYAT
PERTAMA

19 Disember 2009
Auditorium MBSA
Shah Alam, Selangor

Seramai 1500 perwakilan dari ketiga-tiga parti dalam Pakatan Rakyat akan menyertai konvensyen pertama Pakatan Rakyat 19 Disember ini di Auditorium MBSA, Shah Alam.

Konvensyen bertujuan untuk membincangkan 'Dasar Bersama Pakatan Rakyat' yang telah dimeterai oleh Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat ke Konvensyen yang akan dihadiri oleh para perwakilan yang mewakili parti-Parti dalam Pakatan Rakyat dari seluruh negara.

Pembentangan kertas 'Dasar Bersama Pakatan Rakyat' akan disampaikan oleh Pemimpin Utama Pakatan Rakyat semasa Konvensyen tersebut.

'Dasar Bersama Pakatan Rakyat' ini akan menjadi dasar yang diterima, disepakati dan dihormati oleh ketiga-tiga Parti dan muafakat Pakatan Rakyat.

Cop Ketua Bahagian
UMNO
untuk dapatkan projek

YB Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) dalam soalan tambahannya kepada Kementerian Kewangan berhubung projek-projek untuk kontraktor kelas A sehingga F.

"Saya dapat tahu ada perjumpaan seorang menteri kabinet yang mengarahkan supaya projek-projek tidak disalurkan kepada penyokong Pakatan Rakyat.

"Malah ada surat pekeliling mengarahkan kontraktor mendapatkan cop Ketua Umno Bahagian untukmendapatkan projek," katanya yang mengundang rasa tidak senang beberapa ahli parlimen BN.

Anwar disenarai antara '100 pemikir terbaik dunia'

Datuk Seri Anwar Ibrahim telah disenaraikan sebagai '100 Pemikir Terbaik Dunia' iaitu menduduki tempat ke 32 bersama para pemikir dunia yang lain.

Anwar disenarai oleh majalah 'Foreign Policy' yang berpusat di Washington dalam edisi Disembarnya baru-baru ini.

Turut tersenarai adalah Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama (ke-2), Perdana Menteri Britain, Gordon Brown (ke-74) dan Hillary Rodham Clinton (ke-6).

Anwar adalah satu satu dari 10 pemikir yang beragama Islam yang disenaraikan oleh majalah itu.


Sebelum ini, Mursyidul Am PAS, Tuan Guru Datuk Nik Aziz disenaraikan dalam '50 tokoh Islam paling berpengaruh di dunia'.

Menteri Besar Kelantan itu, disenarai di tempat ke 42 dalam senarai '500 Muslim yang Berpengaruh Tahun 2009'.

The Royal Islamic Strategic Studies Center untuk pertama kalinya menerbitkan buku "The 500 Most Influential Muslims In The World" tahun 2009.

Para tokoh muslim dari seluruh dunia yang terpilih masuk dalam daftar itu adalah kalangan Muslim yang dianggap memiliki kemampuan untuk mempengaruhi keadaan kemanusiaan dan mampu membawa perubahan dalam kehidupan ramai orang.

"500 Muslim Paling Berpengaruh di Dunia" sepanjang tahun 2009 itu, dibahagi dalam 15 katagori, antara lain katagori ulama, politik, cendekiawan, perempuan, pemuda, ilmu dan teknologi, media sampai kategori muslim radikal.



Harakahdaily

PKFZ: Bila pula giliran pemimpin kanan Kuala Dimensi?



Selepas tiga pegawai kanan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) didakwa di Mahkamah Sesyen semalam, ramai pihak bertanya-tanya

apakah sampai di situ sahaja atau ada lagi pendakwaan kepada pihak lain akan dibuat.

Ini kerana, sehingga kini hanya pegawai kanan sahaja yang didakwa manakala pemimpin yang terlibat dalam skandal projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) masih bebas.

Mereka yang masih bebas adalah pemimpin kanan Kuala Dimensi Sdn Bhd yang menjadi penjual tanah kepada PKFZ dan kemudiannya menjadi pemaju kepada projek yang menelan wang rakyat sekurang-kurangnya RM4.6 bilion ini.

Pengerusi Kuala Dimensi adalah Benda-hari Umno, Datuk Seri Azim Zabidi, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) adalah Pengerusi Kelab Penyokong kerajaan BN, Datuk Seri Tiong King Sing dan timbalannya adalah Ketua Pemuda Umno Kapar, Datuk Faizal Abdullah.

Bekas Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datin Paduka O. C. Phang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Klang atas tiga per-

tuduhan pecah amanah membabitkan RM254.85juta antara Oktober 2004 dan Januari 2005.

Beliau bersama dua yang lain, Bernard Tan dan Stephen Abok merupakan tiga individu pertama yang didakwa atas kesalahan pecah amanah berhubung skandal projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang didedahkan sejak dua tahun lalu.

Bernard turut didakwa atas 24 lagi pertuduhan membuat tuntutan palsu bernilai RM112.3juta kepada lembaga tersebut.

Tangkapan ini merupakan tangkapan pertama dalam skandal PKFZ yang menelan belanja sehingga RM12.5 bilion.

Selamat Hari Raya Aidil Adha

Ketua Cabang Ipoh Timur, Saudara Vincent Chun mewakili seluruh anggota Cabang Ipoh Timur mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidil Adha kepada para pembaca, khususnya yang beragama Islam di mana juga anda berada. Marilah kita bersama-sama meraihan Aidil Adha yang merupakan hari kebesaran Islam di mana umat Islam di seluruh dunia memperingati pengorbanan Nabi Ibrahim A.S dan Nabi Ismail A.S dalam mentaati perintah Allah SWT.

